



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 23 JULAI 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	11 KES PENYU MATI DALAM TEMPOH ENAM BULAN, NASIONAL, SH -18 PUPUK KESEDARAN ALAM SEKITAR, NEGARA, KOSMO -4 KEPRIHATINAN ORANG RAMAI BANTU TINGKATKAN PENDARATAN PENYU, NEGARA, KOSMO -4	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	FAMA SASAR RM400,000 JUJALAN, SINAR NEGERI TENGAH, SH -33 4 USAHAWAN NS SERTA MALAYSIA FEST DI SINGAPURA, BISNES, SH -42	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
6.	NELAYAN TERJEJAS KUPANG SEMAKIN PUPUS, NASIONAL, BH -12	LAIN - LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

11 kes penyu mati dalam tempoh enam bulan

KUANTAN - Sebanyak 11 kes kematian penyu jenis agar direkodkan Jabatan Perikanan Pahang (JPP) dalam tempoh enam bulan tahun ini.

Pengarahnya, Datuk Azahari Othman berkata, punca utama kematian reptilia itu disebabkan tersangkut pada pukat dan masalah usus berpunca daripada memakan plastik.

Menurut beliau, kematian penyu agar direkodkan paling tinggi berlaku pada Mac lalu iaitu enam ekor penyu diikuti Januari dan Februari masing-masing dua ekor penyu, manakala satu kes bulan lalu.

"Sepanjang tahun lalu, sebanyak lima kes kematian penyu agar dicatatkan berbanding satu kes sahaja pada 2017 dan dalam tempoh enam bulan tahun ini, 11 kes telah direkodkan.

"Dalam tempoh 12 tahun (2007-2018) sebanyak 66 kes kematian memabitkan 64 penyu jenis agar dan dua jenis penyu lipas.

"Jumlah kematian tidak menentu setiap tahun,"

PENYU

Cheloniidae / Dermochelyidae

EN **Green Turtles**
Chelonia mydas


CR **Leatherback**
Dermochelys coriacea

EN **Olive Ridley**
Lepidochelys olivacea

CR **Hawksbill**
Eretmochelys imbricata

ANCAMAN

- Kebangkitan pupatan & degradasi
- Pertubuhan habitat
- Perdagangan
- Kemiskinan penduduk setempat
- Pengumpulan dan perikanan
- Perikanan



Jenis : **Penyu**
Habitat : **Parasit terbuka, pantai berpasir & pulau**

TAHAPAN RENDAH

Kemungkinan akan terdampar dalam kawasan pantai. Banyak ditemui dalam kawasan ini dan banyak dijumpai di kawasan ini. Terdapat juga masalah penyu yang terdampar di kawasan ini. Terdapat juga masalah penyu yang terdampar di kawasan ini.

Sumber: WWF Malaysia & World Wildlife Fund

katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Katanya, bangkai reptilia itu ditemui terdampar di pesisir pantai daerah ini dan siasatan dilakukan pegawai JPP selepas menerima aduan daripada penduduk setempat serta pelancong.

Menurutnya, JPP memandang serius kes memabitkan kematian penyu disebabkan tersangkut pada pukat atau jaring ne-

layan kerana kematian berlaku disebabkan kecuaiannya manusia.

Beliau mengingatkan nelayan supaya menggunakan pukat dengan saiz mata yang dibenarkan sahaja bagi mengelak penyu tersangkut atau terperangkap.

"Kita juga menggalakkan nelayan tempatan menggunakan sejenis alat penyisih penyu (*turtle excluded device*) bagi bot pu-

kat tunda aktif pada musim tengkujuh," katanya.

Sementara itu, katanya, setiap tahun program kesedaran diadakan bagi memberi penerangan kepada nelayan supaya tidak sesuka hati membuang sampah terutama plastik ke laut.

Katanya, ia bagi mengelak penyu memakan plastik yang disangka ampai-ampai iaitu sejenis hidupan laut.

Program CSR SIRIM bersihkan pantai, bantu pulihara kawasan pendaratan penyu

Pupuk kesedaran alam sekitar

Oleh MUHAMAD TARMIZE
MOHD. NOR

DALAM usaha meningkatkan lagi kesedaran orang ramai terhadap penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, sebuah agensi kualiti dan penyelidikan industri utama negara, SIRIM Berhad (SIRIM) menjayakan satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Bersihkan Pantai Kita.

Program yang disertai 180 orang kakitangan SIRIM dan sukarelawan termasuk ahli keluarga serta penduduk setempat itu telah dijalankan dengan jayanya di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pasir Panjang, Segari, Perak baru-baru ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani berkata, kesedaran dalam kalangan orang ramai terhadap kepentingan penjag-



SERAMAI 130 sukarelawan menjayakan program Bersihkan Pantai Kita di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pasir Panjang, Segari, Perak baru-baru ini.

aan alam sekitar terutamanya di kawasan pendaratan penyu perlu ditingkatkan memandangkan hidupan laut itu kini diancam kepupusan.

"Penganjuran aktiviti CSR Bersihkan Pantai Kita ini merupakan salah satu inisiatif kecil SIRIM dalam memupuk kesedaran orang ramai dalam memelihara alam sekitar.

"Dalam program ini juga, kita menerangkan kepada pe-

serta mengenai tabiat buruk pembuangan sampah di pantai dan kesannya terhadap habitat akuatik di sekitarnya termasuk penyu," katanya.

Turut hadir, Pengerah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri.

Tambah Ahmad Fadzil, program yang julung-julung kali diadakan itu juga memberi pendedahan kepada peserta mengenai peranan yang boleh dimainkan terutamanya berkaitan dengan

pengurusan ekosistem dan biodiversiti pesisiran pantai.

"Pesisir pantai yang dicemari sampah-sarap bukan sahaja mencemarkan kawasan tetapi turut menjejaskan hidupan marin termasuk menyukarkan penyu naik ke darat untuk bertelur.

"Ribuan hidupan marin terbunuh akibat pencemaran plastik dan dianggarkan sebanyak 100 juta tan plastik di lautan di seluruh dunia. Disebabkan ke-

hidupan kita sudah sebatian dengan plastik, kita haruslah lebih berdisiplin dalam mengguna dan menguruskannya demi memelihara kelestarian alam sekitar untuk generasi akan datang," jelasnya.

Sementara itu, Ahmad Fadzil berkata, dalam usaha menyokong kelestarian alam sekitar, SIRIM menawarkan teknologi pelupusan sisa makanan melalui sistem pencernaan anaerobik.

"Sistem itu kini telah digunakan di beberapa pusat perniagaan makanan di USJ, Subang dan Sepang, Selangor serta di Port Dickson, Negeri Sembilan.

"Ia mampu menjana biogas daripada sisa makanan yang telah dirawat sebelum ditukar kepada tenaga elektrik untuk kegunaan setempat," katanya.

Katanya, perkhidmatan lain yang turut ditawarkan SIRIM termasuk pensijilan pelabelan eko dan teknologi pembungkusan Green-Blue yang menawarkan pembungkusan mesra alam dan terbiodegradasikan.

Program selama enam jam bermula pada pukul 12 tengah hari itu, dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti antaranya mengutip sampah dalam jarak tiga kilometer dari pesisiran pantai, menanam 50 anak pokok ambung-ambung atau pokok penyu, penyerahan dua papan tanda kesedaran, serta acara melawat dan memberi makan penyu-penyu yang terdapat di pusat konservasi tersebut.



AHMAD FADZIL (duduk kanan) meletakkan siren simbolik penyerahan papan tanda kepada Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu.



AHMAD FADZIL (empat dari kanan) sedang memberi makan kepada penyu di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pasir Panjang, Segari, Perak sempena program Bersihkan Pantai Kita baru-baru ini.



SEBAHAGIAN sukarelawan SIRIM menanam pokok ambung-ambung atau pokok penyu di pesisiran pantai di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Pasir Panjang, Segari, Perak baru-baru ini.

Keprihatinan orang ramai bantu tingkatkan pendaratan penyu

KEBERSIHAN pantai merupakan aspek utama bagi haiwan laut seperti penyu untuk mendarat dan bertelur di pesisiran pantai di sesuatu kawasan.

Pengerah Jabatan Perikanan Perak, Zaki Mokri berkata, pesisiran pantai yang kotor selain pembangunan kekal di sekitarnya boleh mengganggu haiwan laut tersebut untuk mendarat dan bertelur. "Secara puratanya, sebanyak 80 ekor penyu dewasa jenis Agar dan Lipas akan mendarat dan bertelur di pantai ini setiap tahun. Namun, bilangan tersebut semakin berkurangan setiap tahun disebabkan faktor kebersihan pantai yang tidak dijaga dengan baik oleh kita semua.

"Sampah-sarap seperti plastik yang tidak diuruskan dengan betul dan dibuang ke dalam laut telah menimbulkan kekecilan buat penyu-penyu yang melihainya seakan-akan obor-



ZAKI



NOOR SALINA



MOHAMAD SYAHRUL



ARFAN BUKHARI

obor yang menjadi makanannya," katanya.

Tambah Zaki, program tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti yang dilakukan SIRIM Berhad diharap dapat meningkatkan kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar.

"Setiap tahun Jabatan Perikanan bekerjasama dengan puhan syarikat besar dalam usaha memelihara dan memulihara kembali pesisiran pantai ini.

"Program berterusan se-

umpama ini diharap dapat dijalankan dalam usaha meningkatkan kesedaran orang ramai dan hasilnya mungkin memakan masa yang panjang, namun pada tahun ini kita lihat trend pendaratan penyu semakin bertambah," katanya.

Sementara itu, peserta program, Mohamad Syahrul Amir Johar, 25, mahu lebih ramai peserta menyertai program sebegini terutamanya dari kalangan orang muda.

"Ia bagus dalam memberi ilmu mengenai kepentingan



ANAK-ANAK penyu yang baru menetas di dalam kolam di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu, Pasir Panjang, Segari, Perak.

menghargai keindahan hidupan laut yang kita ada," katanya.

Seorang peserta cilik, Arfan Bukhari Abdullah, 11, teruja dapat membantu mengutip sampah dan menanam pokok di pesisiran pantai.

"Saya harap dapat sertai lagi program seumpama ini pada masa akan datang agar kita

semua dapat menikmati keindahan pantai dan penyu pula dapat membiak," katanya.

Seorang lagi peserta, Noor Salina Rahim, 45, turut mengingatkan orang ramai agar membuang sampah di tempat yang sepatutnya sebagai usaha memulihara habitat penyu di pesisiran pantai.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/7/2019	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI TENGAH	33

Fama sasar RM400,000 jualan

SHAH ALAM - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) menya-sarkan RM300,000 hingga RM400,000 jualan produk sempena Malaysia Fest 2019 bertempat di Singa-pore Expo, Changi pada 25 Julai hingga 28 Julai ini.

Produk yang dibawa meliputi buah-buahan, ulam-ulaman, tanaman kontan, produk proses dan industri asas tani, makanan kesihatan gaya hidup, ke-cantikan dan juga fesyen.

Exco Pemodenan Per-tanian dan Industri Asas Tani Selangor Ir Izham Hashim berkata Fama Se-langor dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN) membawa 20 usahawan dari Selangor ke Malaysia Fest 2019 di Singapura.

"Penyertaan ke Malay-sia Fest 2019 kali ini meru-pakan antara penyertaan terbesar dari Malaysia dan Selangor secara amnya apabila sebanyak 10 booth ditempah, 20 usahawan dan 150 jenis produk.



Ir Izham (dua dari kanan) melawat ruang pameran pada Program Flag Off Produk Negeri Selangor ke Malaysia Fest 2019 semalam.

"Program ini merupa-kan kali keempat disertai oleh Malaysia dan apa yang saya lihat tahun lepas juga mencatatkan jualan yang amat memberangsangkan," katanya pada sidang akhbar selepas Program Flag Off Produk Negeri Selangor ke Malaysia Fest 2019 di Wis-ma PKPS semalam.

Katanya, daripada 150 produk yang dibawa, 80 merupakan produk My Kampung My Future (MKMF) daripada 16 kam-

pung di seluruh negara.

Menurutnya, ekspo itu turut mencatatkan pening-katan sebanyak 20 hingga 30 peratus jualan pada ta-hun sebelum ini.

Pada 2018, seramai 18 usahawan Industri Asas Tani Selangor dengan 72 jenis produk telah menyer-tai Malaysia Fest di Singa-pura dengan lima booth jualan pada ketika itu men-cecah hampir RM150,000 sepanjang empat hari dia-dakan.

4 usahawan NS sertai Malaysia Fest di Singapura

SEREMBAN - Empat usahawan dari Negeri Sembilan akan menyertai Ekspo Pengguna Malaysia Fest 2019 yang berlangsung selama empat hari bermula Khamis ini di Changi, Singapura.



AMINUDDIN

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, penyertaan berkenaan julung kalinya dibuat oleh kerajaan negeri dalam usaha mempromosikan lagi produk industri asas tani berasaskan makanan dan minuman.

Beliau berkata, empat usahawan berkenaan akan mengetengahkan produk seperti teh dan kopi berasaskan buah harra, kacang salut, nasi beriani, produk berasaskan *roselle* dan sarang burung walit.

“Kita harap banyak lagi usahawan di Negeri Sembilan boleh diketengahkan, sekali gus dapat mendatangkan impak ekonomi kepada kerajaan negeri, sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan baharu terlibat dalam projek berasas-

kan makanan dalam industri di negeri ini,” katanya kepada pemberita pada majlis pelepasan produk asas tani Negeri Sembilan ke Singapura bagi Ekspo Pengguna Malaysia Fest 2019, di Wisma Negeri di sini semalam.

Ekspo itu bertujuan memperkukuh dan memperluaskan lagi pasaran produk keluaran Malaysia ke Singapura untuk meningkatkan nilai eksport usahawan bimbingan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta pihak yang mengambil bahagian seperti kerajaan negeri, kementerian dan agensi.

Selain itu, ia turut menyediakan platform kepada usahawan Malaysia bagi mempromosi, memperkenalkan serta membuat jualan produk keluaran mereka secara langsung kepada pengguna di Singapura dan membuat risikan pasaran mengenai tabiat kepenggunaan, kebolehpasaran dan tahap saingan produk keluaran usahawan Malaysia. - *Bernama*

Nelayan terjejas kupang semakin pupus

Pasir Gudang: Kekurangan hasil laut, terutama kupang di beberapa sungai yang berhubung dengan Selat Johor di sini, kini kritikal dan semakin sukar diperoleh setiap tahun sehingga menjejaskan pendapatan nelayan.

Difahamkan, hasil laut menurun sehingga 80 peratus dipercayai akibat keadaan sungai dan Selat Johor yang semakin kotor dan tercemar sehingga ada nelayan terpaksa keluar dari kawasan perairan itu untuk memastikan mata pencarian tidak putus.

Ketua Komuniti Nelayan Plentong, Mahadir Md Zain, 60, berkata paling ketara adalah kupang yang dilihat semakin berkurangan dan keadaan diburukkan lagi dengan kehadiran spesies kupang hitam yang mengancam pembenihan kupang biasa atau kupang hijau.

"Tiga hingga empat tahun kebelakangan, ancaman kupang hitam semakin berlembasa di sepanjang Selat Johor termasuk sungai berhampiran. Kupang hijau memang tidak boleh hidup di kawasan ada kupang hitam yang turut merosakkan spesies kupang yang lain.

"Keadaan ini memang menjejaskan sumber kupang hijau. Tahun ini, tiga musim sudah berlalu, tiada langsung benih



Mahadir menunjuk perbezaan kupang hitam (kanan) yang mengancam populasi kupang hijau di sepanjang sungai dan perairan Selat Johor.
[Foto Mohd Fahmi Mohd Yusof/BH]

kupang terhasil," katanya sambil menambah, sejak 2000 lagi, pengurangan hasil kupang di kawasan perairan itu memang ketara.

"Apabila menjaring, hanya plastik (sampah) melekat, banyangkan plastik sudah berkumpul di dasar sungai dan keadaan memang semakin teruk. Kalau Sungai Tebrau surut, airnya memang hitam dan busuk. Bila air pasang, banyak timbunan sam-

pah dan plastik di permukaan sungai," katanya. Mahadir berkata, berdasarkan pengalamannya melalui perairan itu, keadaan Selat Johor dari Sungai Tebrau hingga Teluk Jawa memang kotor, sekali gus memerlukan tindakan lebih serius dan berterusan bagi memulihkannya.

"Sultan Johor sudah beberapa kali ke sini dan bertitah mahu ia dibersihkan, namun masih lagi ko-

tor. Memang kami faham, kos tinggi diperlukan untuk tujuan itu, tetapi jika mahu bersihkan sungai di sini, kami cadang tangani dulu isu setingan di sepanjang Sungai Tebrau," katanya.

Nelayan Kampung Plentong Tengah, Mokhtar Gembur, 64, berkata ancaman kupang hitam semakin kritikal dan setiap kali mahu menaikkan kerang, antara 30 hingga 50 kilogram kupang hitam dikumpul.